

BAB SATU

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Disertasi ini memuatkan satu bentuk kajian yang dilatari oleh semangat ingin mendalami dan memahami penggunaan nahu bahasa Arab di dalam al-Qur'an al-karim. Ia cuba menyorot dan mengkaji persejajaran kaedah nahu bahasa Arab dengan penggunaannya di dalam al-Qur'an al-karim yang menjadi sumber rujukan utama di kalangan ahli-ahli bahasa Arab.

Sejak zaman permulaan sejarah nahu bahasa Arab lagi, al-Qur'an al-karim menjadi antara sumber rujukan yang terpenting dalam membuat kaedah-kaedah nahu oleh ahli-ahli bahasa aliran Basrah dan ahli-ahli bahasa aliran Kufah. Malah mereka ini telah berhempas pulas dalam memastikan kaedah mereka bersesuaian dengan apa yang terdapat di dalam al-Qur'an al-karim. Ahli Basrah umpamanya akan menerima apa yang terdapat di dalam al-Qur'an al-karim sekiranya ia bersesuaian dengan kaedah yang mereka buat. Sekiranya perlu kepada takwil mereka akan mentakwilkannya.

Fenomena hubungan di antara kaedah nahu dan al-Qur'an al-karim inilah yang cuba diinterpretasikan oleh penulis dalam kajian ini. Penyimpangan al-Qur'an al-karim

daripada kaedah umum cuba dihuraikan dengan mengabung jalinkan pendapat ahli-ahli bahasa dengan pendapat ahli-ahli tafsir.

Seterusnya kaedah nahu dalam konteks pembicaraan disertasi ini bukanlah meliputi keseluruhan kaedah nahu yang terdapat di dalam bahasa Arab. Penulis telah memilih bab **ḍamīr** iaitu kata ganti nama di dalam nahu bahasa Arab sebagai kajian. Selanjutnya penulis memperincikan lagi fokus kajian khusus berkaitan bab **ḍamīr** kepada tempat kembali **ḍamīr ghā'ib** dan pemilihan surah al An'am sebagai satu kajian surah. Pemilihan bab dan surah dalam kajian ini dirasakan mampu membuktikan bahawa bahasa Arab merupakan bahasa yang unik dan selayaknya menjadi bahasa al-Qur'an al-karim. Di samping itu, terdapat banyak topik yang berkaitan dengan tajuk yang disentuh di dalam disertasi ini, terdapat di dalam surah tersebut.

1.2 Signifikan Masalah

Hubungan **ḍamīr** dengan struktur ayat bahasa Arab begitu penting. Malah sebenarnya **ḍamīr**lah yang menjadi teras binaan struktur ayat bahasa Arab, mendasari ikatan perkataan dengan perkataan dalam pembentukan ayat yang sempurna maknanya dan seterusnya membentuk kefahaman kepada maksud yang ingin disampaikan. Menyedari hakikat ini, kajian ini dilakukan untuk menghuraikan pertimbangan yang digunakan bagi merujuk **ḍamīr** kepada tempat kembalinya di dalam bahasa Arab secara amnya dan di dalam al-Qur'an al-karim secara khususnya.

Penampilan **damīr** bukan saja penting dalam binaan struktur ayat bahasa Arab tetapi juga sebagai teras dari segi semantik ayat. Malah sekiranya **damīr** dikembalikan atau dirujuk ke tempat yang salah ia tidak akan dapat menepati erti yang dikehendaki. Demikianlah peri pentingnya peranan **damīr** di dalam struktur ayat bahasa Arab. Tetapi seperkara yang harus diambil ingatan ialah bahawa penyimpangan al-Qur'an al-karim daripada kaedah nahu bahasa Arab di dalam bab **damīr** dengan penggunaannya iaitu yang berkaitan perbezaan konsep persejajaran ciri di antara **damīr** dan tempat kembalinya dari segi genus iaitu tadhkir dan ta'nith, dan dari segi bilangan iaitu ifrad, tathniyyat dan jama' sering kali kita temui. Sebagai contoh firman Allah s.w.t dalam surah Āl Imran ayat 45: ﴿إِنَّ اللَّهَ يَشْرِكُ بِكَلِمَةٍ مِنْهُ اسْمَهُ الْمَسِيحِ﴾. **Damīr ghā'ib mudhakkar** pada perkataan 'اسمه' [ismuhu] (namanya) merujuk kepada 'كلمة' [kalimat] (perkataannya) yang terdiri daripada genus **mu'annath**. Terdapat pelbagai tafsiran mengenainya oleh ahli-ahli bahasa sama ada dari segi nahu mahupun dari segi retorik. Namun begitu penggunaan istilah dan kaedah yang begitu janggal bagi kita khususnya dalam bidang nahu bahasa Arab berbanding bahasa Melayu menyebabkan persoalan ini kerap kali menyimpang dari landasannya yang sebenar. Persoalan-persoalan seperti mengapa, kenapa dan apakah sebab penyimpangan ini berlaku sering tergantung begitu sahaja. Sehubungan dengan itu disertasi ini cuba membuka jalan ke arah penyelesaian kepada persoalan tersebut.

Hakikat kebergantungan nahu bahasa Arab kepada al-Qur'an al-karim demi memastikan ia betul dan tepat dapat dilihat sejak zaman permulaan sejarah nahu lagi. Sehubungan dengan itu, ahli-ahli bahasa telah berhempas pulas memastikan agar kaedah

yang mereka buat bersesuaian dengan al-Qur'an al-karim. Namun begitu masih terdapat beberapa perbezaan antara kaedah nahu dan penggunaannya di dalam uslub al-Qur'an al-karim. Al-Qur'an al-karim mukjizat yang diturunkan oleh Allah s.w.t kepada junjungan besar kita nabi Muhammad s.a.w sudah pasti tidak akan salah. Begitu juga dengan ahli-ahli bahasa yang menjadikan al-Qur'an al-karim sebagai sumber rujukan yang terpenting pasti telah menyedari hakikat ini, malah mereka telah menginterpretasikan perbezaan itu mengikut huraian berbentuk retorik.. Cuma, perbezaan ini yang diuraikan dalam bentuk retorik agak sukar untuk diterangkan di dalam bahasa Malaysia. Seperti yang disebutkan di atas, perbezaan istilah dan kaedah menjadi dinding penghalang kepada apa yang ingin disampaikan.

Sudah terlalu banyak kita dapati tulisan-tulisan berkaitan al-Qur'an al-karim, yang rata-rata mengemukakan persoalan tafsir dan hukum hakam berpandukan kepadanya. Namun begitu tulisan berkaitan dengan hubungan antara al-Qur'an al-karim dan bahasa, khususnya nahu, adalah terlalu kurang dalam persada penulisan di Malaysia. Usaha penyegaran nilai ilmu berkaitan al-Qur'an dan nahu agak layu. Ini menyebabkan nilai peranan bahasa kurang dapat dirasai. Penggunaan nahu di dalam ayat al-Qur'an al-karim tidak dapat dihayati sepenuhnya. Malah kajian mengenainya juga masih agak baru dan perlu kepada penyelidikan yang teliti. Dalam kaitan ini, penulis mengharapkan agar disertasi ini sebagai usaha yang mampu memberi manfaat kepada kajian dan penyelidikan seterusnya.

1.3 Objektif Kajian

1. Kajian ini dilakukan bagi mengungkap persoalan yang berkaitan dengan tempat kembali **ḍamīr** di dalam nahu bahasa Arab dan dari segi pratikalnya di dalam uslub al-Qur'an al-karim.
2. Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat dan menganalisis fakta-fakta yang wujud yang berkaitan tempat kembali **ḍamīr** dari perspektif kaedah nahu sebagai indikasi yang mengisyaratkan apa yang berlaku dari segi pratikalnya di dalam uslub al-Qur'an al-karim.
3. Disertasi ini sebagai satu usaha untuk memahami penyimpangan teori kaedah nahu bahasa Arab dalam bab tempat kembali **ḍamīr** dengan praktikalnya di dalam uslub al-Qur'an al-karim dan seterusnya menyebut penyelesaian terhadap persoalan ini berpandukan pendapat ahli-ahli bahasa serta ahli-ahli tafsir.
4. Disertasi ini juga sebagai usaha memahami tempat kembali **ḍamīr** serta penggunaannya di dalam al-Qur'an al-karim, dan menginterpretasikannya dengan betul supaya tidak menyeleweng daripada kehendak yang sebenar, memandangkan **ḍamīr** memainkan peranan penting di dalam struktur ayat bahasa Arab.

5. Melihat peri penting peranan **ḍamīr** di dalam struktur ayat bahasa Arab, sebagai pengikat dan penyambung kepada kesinambungan ayat di dalam bahasa Arab.
6. Memperjelaskan peranan **ḍamīr** dan tempat kembalinya dalam menentukan makna dan maksud ayat yang ingin disampaikan berdasarkan kaedah-kaedah nahu dan pendapat ahli-ahli tafsir.
7. Memperjelaskan Ciri-ciri khusus uslub al-Qur'an al-karim berdasarkan kaedah-kaedah nahu.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini dianggap sebagai inisiatif dalam memenuhi beberapa kepentingan yang dirasakan perlu, antaranya:

1. Ketiadaan kajian yang terdahulu yang berkaitan dengan tajuk disertasi ini, malah kekurangan kajian yang berkaitan dengan al-Qur'an al-karim dan hubungannya dengan nahu bahasa Arab di Malaysia.
2. Kedudukan al-Qur'an al-karim sebagai kitab utama bagi umat Islam. Di samping itu, kebergantungan umat Islam kepada al-Qur'an tidak dapat dinafikan. Kajian ini

dirasakan sebagai satu cara untuk memperjelaskan keistimewaan yang terdapat di dalam al-Qur'an al-karim dan sebab ia diturunkan di dalam bahasa Arab.

3. Penjelasan kepada keraguan terhadap penyimpangan antara kaedah nahu bahasa Arab serta penggunaannya di dalam uslub al-Qur'an al-karim dan seterusnya merungkai segala syak wasangka terhadap ketulenan al-Qur'an al-karim.
4. Penyelesaian kepada perbezaan pendapat di kalangan ahli-ahli bahasa dan ahli-ahli tafsir dalam menangani dalam permasalahan tempat kembali **damīr ghā'ib**.
5. Mendapat faedah berbentuk teori dan pratikal berdasar kaedah nahu yang dibuat oleh ahli-ahli nahu serta penggunaannya di dalam uslub al-Qur'an al-karim.

1.5 Soroton Kajian Berkaitan

Dalam konteks kajian terdahulu penulis mendapati tajuk berkaitan tempat kembali **damīr ghā'ib** masih belum dijadikan sebagai satu tajuk kajian disertasi. Walau bagaimanapun terdapat satu tajuk disertasi di Universiti Kebangsaan Malaysia yang berkaitan dengan **idmār**. Disertasi tersebut bertajuk *Masalah-masalah Hadhaf dan Idmar: Kajian dan Aplikasi*. Ia hasil tulisan Abdulkarem Wawaaeni pada tahun 1998. Topik berkaitan tempat kembali **damīr** itu sendiri, agak kurang disentuh di dalam kitab-kitab nahu bahasa Arab. Berbeza dengan topik yang berkaitan dengan al-Qur'an dan hubungannya dengan nahu bahasa Arab, walaupun masih kurang tetapi telah

terdapat tajuk disertasi mengenainya. Antara tajuk-tajuk disertasi di Universiti Malaya yang berkaitan dengan al-Qur'an al-karim dan bahasa Arab ialah:

1. 1994. Hassan Ahmad. *Penggunaan Man di dalam Al-Qur'an*.
2. 1998. Abdul Rauf Hj. Hassan. *Kategori Maskulin dan Feminin di dalam Bahasa Arab: Satu Kajian dalam Surah Al Waqf'ah*.
3. 1998. Mohd. Helmi Sofi. *Uslub Taukid dalam Al-Qur'an: Satu Kajian dalam Surah Al Baqarah*.

Manakala tajuk-tajuk yang berkaitan al-Qur'an dan nahu bahasa Arab di Universiti Kebangsaan Malaysia ialah:

1. 1985. Ismail bin Ngah. *Al-Qur'an Sebagai Sumber Utama Tatabahasa Arab*.
2. 1986. Ismail bin Haji Mohd. Hassan @ Sham. *Bentuk-bentuk Al-F'rab dan Implikasinya Terhadap Makna Ayat-ayat dalam Surah Al-Baqarah dan Al-Imran*.
3. 1990. Siti Saudah Hj. Hassan (Ph.D). *Pembinaan Tata Bahasa Arab Berasaskan Qiraat*.
4. 1991. Othman Daud. *Satu Kajian Analisa Tentang Pengertian-pengertian Huruf-huruf Jar di dalam Al-Qur'an Al-Karim*.
5. 1997. Busura Hj. Talib. *Dalil-dalil al-Qur'an dalam Kitab Sharh Shudhur Al-Dhahab oleh Ibn Hisham, Satu Kajian Analisa*.
6. 1997. Sahrifah Hamadiyah Syed Husin. *Katanama Nominatif: Satu Kajian Analisis dalam Surah Al-Baqarah*.
7. 1998. Talib b. Abdul Rahman. *Pertanyaan dalam Bahasa Arab dan Analisis Penggunaannya dalam Al-Qur'an*.

Penulis berharap dengan kemunculan disertasi ini akan dapat memberikan suatu pengetahuan tentang peri pentingnya tempat kembali **ḍamīr ghā'ib** dalam menentukan maksud di dalam struktur ayat bahasa Arab.

1.6 Batasan Kajian

Perbahasan dalam kajian ini tidak membincangkan penggunaan **ḍamīr** di dalam al-Qur'an al-karim secara keseluruhannya, sebaliknya penulis membataskan kajian di dalam disertasi ini kepada kajian tentang tempat kembali **ḍamīr ghā'ib** di dalam uslub al-Qur'an al-karim. Dalam konteks batasan kajian di dalam disertasi ini, penulis cuba berbicara dua permasalahan utama iaitu:

- i. Penggunaan **ḍamīr**, peranannya secara umum sebagaimana yang telah ditetapkan oleh ahli-ahli nahu. Penulis juga cuba mengemukakan beberapa persoalan-persoalan penting yang berkaitan dengan **ḍamīr** khususnya yang menyentuh fokus utama kajian iaitu tempat kembali bagi **ḍamīr**.
- ii. Perbahasan berkaitan pertimbangan yang digunakan bagi menentukan tempat kembali **ḍamīr** di dalam uslub al-Qur'an al-karim. Beberapa pertimbangan antara kaedah nahu dan penggunaannya dihuraikan berpandukan pendapat-pendapat yang diutarakan oleh ahli-ahli nahu bahasa Arab dan ahli-ahli tafsir. Surah al-An'ām dipilih sebagai kajian untuk memperlihatkan pertimbangan yang dilakukan bagi menentukan tempat kembali **ḍamīr** dengan lebih detail.

1.7 Metodologi Kajian

Pendekatan yang digunakan di dalam metodologi kajian disertasi ini ialah rujukan perpustakaan. Segala bahan rujukan di dalam kajian ini didapati di beberapa perpustakaan utama di institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia. Di samping itu koleksi-koleksi peribadi yang berkaitan dengan kajian disertasi turut digunakan. Penulis juga menggunakan buku Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai rujukan dalam melakukan transliterasi. Penulisan ayat-ayat al-Qur'an ditulis berdasarkan rasm al-^oUthmaniyy. Manakala terjemahannya berpandukan terjemahan buku terjemahan Pimpinan al-Rahman.

Analisis secara terperinci hanya ditekankan ke atas tajuk-tajuk yang dianggap penting dan mempunyai nilai yang tersendiri. Sebaliknya bagi tajuk-tajuk yang kurang penting dan sudah dimaklumi ramai, penulis hanya mendatangkan beberapa contoh bagi menunjukkan perkara tersebut. Sementara itu, penulis mengambil kira pendapat ahli-ahli tafsir dalam mengutarakan penyelesaian kepada perbezaan berkaitan dengan tempat kembali **ḍamīr ghā'ib** antara teori dan praktikalnya. Dalam pada itu, topik peranan **ḍamīr ghā'ib** dan tempat kembalinya dari sudut semantik di dalam al-Qur'an al-karim hanya disentuh di dalam bab keempat. Ini kerana penulis merasakan topik ini boleh diperluaskan untuk dijadikan satu tajuk kajian ilmiah dalam kajian yang lain.

1.8 Rangka Kajian

Kajian ini mengandungi enam bab. Secara umumnya, bab pertama menghuraikan tentang bab pengenalan yang meliputi pendahuluan, signifikan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, sorotan kajian berkaitan, batasan kajian, metodologi kajian, rangka kajian dan penutup. Bab kedua menghuraikan beberapa teori yang berkaitan **ḍamīr** seperti pengertian **ḍamīr**, ciri-ciri **ḍamīr**, pembahagian **ḍamīr** di dalam bahasa Arab, **ḍamīr fasl** dan **ḍamīr sya'n**.

Bab ketiga membicarakan tempat kembali **ḍamīr ghā'ib** yang melibatkan bentuk-bentuk tempat kembali **ḍamīr ghā'ib** serta konsep persejajaran ciri di antara **ḍamīr ghā'ib** dan tempat kembalinya. Bab keempat pula menghuraikan tempat kembali **ḍamīr ghā'ib** di dalam al-Qur'an yang cuba dikaitkan dengan persejajaran ciri di antara **ḍamīr ghā'ib** dan tempat kembalinya, penentuan tempat kembali **ḍamīr ghā'ib**, bentuk-bentuk tempat kembali **ḍamīr ghā'ib** dan peranan dari sudut semantik di antara **ḍamīr ghā'ib** dan tempat kembalinya di dalam al-Qur'an.

Seterusnya dalam bab yang kelima merangkumi perbincangan analisis tempat kembali **ḍamīr ghā'ib** di dalam surah al-An'am. Disertasi ini diakhiri dengan bab keenam iaitu bab penutup.

1.9 Penutup

Perbahasan kajian di dalam disertasi ini merupakan satu yang menarik untuk diketengahkan, namun begitu penulis merasakan kekurangan sumber rujukan membantut sedikit sebanyak usaha mendalami dan menghurai permasalahan perbahasan dengan lebih terperinci.

Sementara itu perbezaan yang ketara di antara istilah bahasa Malaysia dan bahasa Arab seringkali membatasi usaha-usaha untuk menginterpretasi huraian-huraian para sarjana bahasa Arab sama ada di kalangan ahli bahasa moden atau ahli bahasa klasik. Suatu ketika huraian yang sebegini agak payah untuk diterangkan melainkan seseorang itu memahami konteks struktur bahasa Arab.

Sesungguhnya penulis amat berharap perbahasan dalam kajian ini menjadi antara usaha-usaha mengenengahkan konsep kajian nahu bahasa Arab dari perspektif penggunaannya di dalam uslub al-Qur'an al-karim. Mudah-mudahan penat lelah merumuskan segala fakta yang terdapat dalam kajian ini akan mempunyai makna dan harga yang setimpal.

Seterusnya penulis berdoa kehadiran Allah s.w.t agar usaha yang sedikit ini diberkati-Nya dan dapat dimanfaatkan serta memberi faedah kepada usaha yang mendatang.



BAB
KEDUA